

LAPORAN KELESTARIAN PTSB 2024

POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHYAH



Sekapur sirih

Pengarah PTSB

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera, Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Kelestarian PTSB ini dapat diterbitkan dengan jayanya.

Amalan Hijau bertujuan untuk memelihara dan melindungi bumi daripada bahaya "global warming" yang semakin hari semakin membimbangkan.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan di PTSB perlu sentiasa selari dengan objektif melestarikan persekitaran yang bersih, kondusif, meningkatkan imej korporat di samping menyemarakkan aktiviti kreativiti dan inovasi ke arah mewujudkan budaya dan amalan hijau.

Semoga UPTH terus mendidik pelajar-pelajar dan warga PTSB dengan amalan Hijau dalam setiap program yang dijalankan.

HJ. MOHD RUZI BIN HAMZAH
PENGARAH

POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHİYAH



Seulas pinang

Ketua UPTH PTSB

Alhamdulillah, tahniah kepada Unit Buletin UPTH kerana buat pertama kalinya menghasilkan Laporan Tahunan Kelestarian PTSB 2024.

Dengan adanya laporan ini segala aktiviti yang telah dijalankan dapat dirakam dan disimpan untuk rujukan akan datang.

Teknologi Hijau mempunyai potensi besar dalam memacu pembangunan negara. Ia dapat membantu mengurangkan kos operasi, meningkatkan nilai aset dan keuntungan.

Industri yang menggunakan atau membangunkan produk berhubung teknologi hijau dapat menyediakan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan.

Prestasi kitar hidup ekonomi juga dapat dioptimumkan. Semoga semua aktiviti yang telah dijalankan dapat dijadikan amalan dalam kehidupan para pelajar dan warga PTSB selamanya.

Ts. MARYATI BINTI MAT SO'AD
KETUA UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI HIJAU
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah



ISI KANDUNGAN

Aluan

- 1** **Hj. Mohd Ruzi Bin Hamzah**
Pengarah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah
- Ts. MARYATI BINTI MAT SO'AD**
Ketua Unit Pengurusan Teknologi Hijau
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah

2 **Latar Belakang PTSB** 1

Misi Dan Visi PTSB 2

Latar Belakang Unit Pengurusan Teknologi Hijau PTSB 3

Carta Organisasi UPTH 4

Halatuju Blueprint Smartgreen Polycc 5

Bidang Tumpuan 9

3 **Program / Aktiviti / Bengkel UPTH Sepanjang Tahun** 11



LATAR BELAKANG PTSB

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB), yang dahulunya dikenali sebagai Politeknik Kulim, merupakan politeknik yang ke 16 dibawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Di negeri Kedah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) merupakan politeknik yang kedua iaitu selepas Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Jitra.

PTSB mula beroperasi pada 1 Mac 2002 di kampus sementara di Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang dan berpindah ke kampus tetapnya seluas 100 ekar di Taman Teknologi Tinggi Kulim pada 3 Mac 2003. Pada tanggal 9 Jun 2003, PTSB mula mengambil pelajar kohort pertamanya seramai 507 pelajar. Kini jumlah pelajarinya adalah melebihi 4,500 orang. Setelah beroperasi selama 5 tahun, pada tanggal 27 Mac 2007, PTSB dimasyhurkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al Sultan AlMu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku AlHaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Sultan Negeri Kedah Darul Aman.

PTSB diterajui oleh seorang Pengarah dan dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Pengarah berserta enam (6) orang Ketua Jabatan. Berbekalkan semangat dan komitmen tinggi daripada barisan hadapan dan semua staf, PTSB sentiasa berusaha untuk menjadi salah sebuah politeknik terbaik di Malaysia.

Di PTSB, pelajar boleh memilih untuk mengikuti program-program pengajian di peringkat diploma yang ditawarkan oleh empat (4) jabatan akademik iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Jabatan Perdagangan. Disamping itu PTSB turut menawarkan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat melalui Kursus Secara Sambilan yang dikendalikan di setiap hujung minggu.

Adalah diharap dengan berbekalkan segala kekuatan yang ada dari segi tenaga kerja, kemudahan dan sokongan semua pihak serta kedudukannya yang strategik di Taman Teknologi Tinggi Kulim, maka visi untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan dalam bidang kejuruteraan dan perdagangan serta azam untuk melahirkan graduan yang berketrampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab akan berjaya dicapai.



MISI DAN VISI PTSB

VISI PTSB

**Menjadi institusi
TVET yang unggul**

Menyediakan akses yang meluas kepada program TVET berkualiti dan diiktiraf

01

Melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang

02

Memanfaatkan sepenuhnya perkongsian pintar dengan pihak berkepentingan

03

Memperkasa komuniti melalui pembelajaran sepanjang hayat

04

MISI PTSB

LATAR BELAKANG

UNIT PENGURUSAN TEKNOLOGI HIJAU PTSB

Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah merupakan politeknik yang ke-16 di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia. Di negeri Kedah, Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah merupakan politeknik yang kedua selepas Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah yang terletak di Jitra. PTSB sebagai pusat melahirkan modal insan yang berkualiti perlu diurus dan diselia oleh barisan pensyarah dan kakitangan yang berkaliber, berkemampuan dan mempunyai kepakaran dalam sesuatu bidang. Mengurus sesebuah organisasi bukanlah sesuatu yang boleh dianggap mudah kerana ianya melibatkan pelbagai ragam dan karenah dalam menguruskan sumber manusia. Oleh itu, Unit Pengurusan Teknologi Hijau (UPTH) ini ditubuhkan untuk menyahut dan merealisasikan hasrat yang terkandung dalam Blueprint Smart Green PolyCC. Sejarah penubuhan UPTH ini bermula pada tahun Jun 2018, di mana pegawai PolyGreen telah dilantik. Dalam tempoh 6 bulan, satu Jawatankuasa Green Technology telah ditubuhkan yang terdiri dalam kalangan staf PTSB. Kemudian pada Jun 2019 Jawatankuasa Green Technology ini telah ditukar kepada Unit Pengurusan Teknologi Hijau (UPTH). Maka dengan pertukaran nama ini, tugas dan peranan UPTH semakin luas dan menyeluruh impaknya kepada warga PTSB dan komuniti luar.

Visi Pelan Induk Kampus Hijau PTSB adalah bagi mewujudkan budaya hijau dan melestarikan PTSB bagi melahirkan pekerja kolar hijau selari dengan matlamat transformasi politeknik serta menjadikan Malaysia negara maju berpendapatan tinggi dan rendah karbon pada tahun akan datang. Adalah menjadi aspirasi PTSB agar semua aktiviti lestari yang dijalankan di setiap jabatan/unit akan menjadi penggerak untuk memperluaskan penggunaan teknologi hijau, memperkukuhkan budaya hijau dan kelestarian alam sekitar serta menangani isu perubahan iklim keseluruhannya. Ini hanya dapat dicapai melalui pendekatan kampus lestari serta projek-projek khusus yang dirancang bagi menghasilkan sebuah ekosistem hidup yang sihat dan kondusif. Pelaksanaan Kampus Hijau ini sebenarnya dilihat sebagai satu pelaburan jangka panjang yang baik dan menguntungkan.

“Pembudayaan Budaya Hijau dan Penjanaaan Teknologi Hijau Untuk Kesejahteraan Masyarakat dan Kelestarian Alam”



MOHD RUZI BIN HAMZAH
PENGARAH



MOHD NOR AZAM BIN MOHD DALI
TIMB. PENGARAH



TS MARIYATI BINTI MAT SO'AD
KETUA UNIT



RUHIL HAYATI BINTI JAAFAR
SETIAUSAHA



NORIZA BINTI MUHAMED YUSOF
PEN. KETUA UNIT



HANIZA BINTI MUHAMMAD
BENDAHARI & PLSU



NURHIDAYU BINTI SALLEH



ROZANA BINTI ABD RAHMAN

PENGURUSAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN



NOR FARAHAIN BINTI DZULKAFLI



JAMIL BIN SHAARI

PENGURUSAN TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM



WAN SABARIAH BINTI WAN ISMAIL



HAFIZUL HADI BIN RAHIM

PENGURUSAN AIR



NOOR AZALINA BINTI KHALIL



MUHAMAD AIZAT BIN ZOLKOFLE

PENGURUSAN SISA



TS FAIZATUL HAIDA BINTI MD ISA



NOOR AZMA BINTI ABU BAKAR

PEROLEHAN HIJAU



NORUL HUDA BINTI SHAMSUDIN

PENGURUSAN ALAM SEKITAR & LANDSKAP



NURELIZA BINTI MOKHTAR



NORIZA BINTI MUHAMED YUSOF

PENGANGKUTAN & E-BULETIN UPTH



MASLINA BINTI SULEIMAN



AMILIA BINTI ABU BAKAR



NURUL NADIAH BINTI HASHIM

MULTIMEDIA

HALA TUJU BLUEPRINT SMARTGREEN POLYCC

1. Penggabungan Politeknik dan Kolej Komuniti

Bermula tahun 2018, Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) telah digabungkan dengan Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK) menjadi Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK). Penggabungan ini dilaksanakan sebagai usaha untuk mendepani cabaran negara, permintaan industri dan kemajuan teknologi global yang semakin meningkat serta keperluan semasa negara bagi melahirkan tenaga kerja mahir yang berketrampilan dan mampan. Melalui penggabungan ini, ianya akan memudahkan kerja-kerja perancangan, penyelarasan dan pemantauan terhadap institusi dalam memenuhi hasrat negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi. Oleh itu Blueprint SmartGreen PolyCC (BSGPC) melalui agenda transformasinya turut menggabungkan dua institusi ini dalam rangka tindakannya. Hala tuju yang dicadangkan telah mengambil kira keperluan dan kehendak keseluruhan warga dan masyarakat. Ini akan dapat membantu merealisasikan hasrat JPPKK untuk menjadi hub TVET yang berkualiti dan mampan.

2. Dasar Negara Ke Arah IR4.0

Pada asasnya, IR4.0 merujuk kepada trend ke arah automasidan pertukaran data dalam teknologidan proses pembuatan; termasuklah 1) sistem siber-fizikal (CPS), 2) Internet of Things (IoT), 3) Industrial Internet of Things (IIoT), 4) pengkomputeran awan, 5) pengkomputeran kognitif dan 6) kecerdasan buatan. Konsep kilang pintar berstruktur modularadalah CPS yang memantau prosesfizikal dan membuatkeputusan yang berpusat. IR4.0 bukan sahajaperkara berkaitan internettetapi mencakupi komunikasi CPS dan bekerjasama antara satu sama lain dengan manusia dalam alam nyata mahupun di alam siber. Ianya juga merangkumi seluruh perkhidmatan organisasi yang ditawarkan dan digunakan oleh para pesertadalam satu rantai. Pengeluaran sumber pekerjahijau dalam menangani cabaran IR4.0 adalah sangatdiperlukan dan mencabar.Terdapat lapan (8) ciri sumberpekerja hijau yang perlu ada pada seseorang warga organisasi iaitu kejut, tangkas,konsisten, fleksibel, sihat tubuh badan, waras, seimbang dan produktif. Oleh itu strategi-strategi pengurusan sumber manusia hijau perlu dilaksanakan secara sistematik dan efisien untuk menjana dan mengekalkan sumber manusia hijau..



HALA TUJU BLUEPRINT

SMARTGREEN POLYCC

3. Pelan Strategik Agenda Mampan BSGPC

Politeknik Malaysiamemulakan perjalanan ke arah pembangunan mampan sejak tahun 2010 denganpenekanan terhadap menjagaalam sekitar, di mana hasrat ini terkandung dalam BPPM. Sebelum ini, pendekatan dalam BPPM adalah untuk menghasilkan kaedah/prosedur yang akan membantu 36 buah politeknik demi membina kumpulan tenaga mampan mereka sendiri dalam memelihara dan memulihara alam sekitar. BPPM dibangunkan dengan menitikberatkan elemen teknologi hijau yang merujuk pembangunan dan aplikasi produk, peralatan serta sistem untuk memelihara alam sekitar dan alam semulajadi dan meminimumkan atau mengurangkan kesan negatif daripada aktiviti manusia. Terdapat banyak penambahbaikan telah dilakukan dalam BSGPC, antaranya dengan mewujudkan jawatankuasa penyelarasan dan jawatankuasa pelaksana yang bertanggungjawab untuk penyelarasan keseluruhan laporan status semasa, menetapkan sasaran pencapaian, perancangan strategik, belanjawanm refleksi dan perancangan sumber untuk masa depan, menghasilkan polisi yang jelas, pengurusan efektif perlu dibentuk, memperbaiki hubungankomunikasi luar dan dalam, mewujudkan pemantauan yang berterusan, serta usaha meningkatkan aktiviti dan programmampan. Transformasi ini juga selaridengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) yang lebih menyeluruh dengan mengambil kira semua aspek seperti sosial, ekonomi dan alam sekitar akan membantu dalam mencapai agenda kelestarian negara. Bidang tumpuan BPPM telah dipetakan dengan SDGs, GRI dan GMP selaras dengan keperluan negara, institusi dan komuniti bagi memenuhi keperluan sosial, alam sekitar dan ekonomi.

4. Pembangunan Mampan Sustainable Development Goals (SDGs)

1.SDGs merupakan teras agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-Ketua Negara dan masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan PBB. SDGs merupakankesinambungan agenda pembangunan yang diteruskan selepasberakhirnya Millenium Development Goals (MDGs) pada 2015. MDGs mempunyai 8 matlamat dan 21 sasaran. Manakala SDGs diperluaskan kepada 17 matlamat dan 169 sasaran dengan tujuanbagi meneruskan agenda 2030 mencapaikeseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan iaitu merangkumi sosial, ekonomi dan alam sekitar. 17 matlamat dan 169 sasaran ini berkaitan dalam mengintegrasikan dan mengimbangi tiga dimensi pembangunan mampan dalam pelaksanaannya di peringkat PBB



HALA TUJU BLUEPRINT SMARTGREEN POLYCC

5. Piawaian Global Reporting Initiative (GRI)

Piawaian GRI adalah piawaian global yang pertama untuk laporan kemampanan yang berstruktur, berhubung dan mewakili amalan terbaik secara global untuk membantu organisasi melaporkan pelbagai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial (3P - profit, planet and people) berdasarkan kepada aktiviti, produk dan servis. Rangka kerja GRI bertujuan untuk membolehkan pihak ketiga menilai impak alam sekitar dari aktiviti organisasi dan sumber rantaianya. Garis panduan laporan piawaian mengenai alam sekitar terkandung di dalam GRI Indicator Protocol Set.



	BIDANG TUMPUAN 1 PENGURUSAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN Pelaksanaan kurikulum hijau, penyelidikan dan penerbitan tesis, pengurusan laporan dan laman sesawang kelestarian, pelaksanaan program kesedaran dan penerapan budaya hijau serta latihan, perkongsian kepakaran dan pengalaman bagi pelajar dan kakitangan.
	BIDANG TUMPUAN 2 PENGURUSAN TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM Pengekalan dan peningkatan kecukupan penggunaan tenaga serta galakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan pelepasan karbon.
	BIDANG TUMPUAN 3 PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP Mengintegrasikan amalan pengurusan alam sekitar dalam pengoperasian institusi melalui dasar-dasar dan prosedur bagi memastikan amalan alam sekitar terbaik diaplikasikan dalam urusan harian.
	BIDANG TUMPUAN 4 PENGURUSAN SISA Peningkatan kesedaran dan pengetahuan pengurusan sisa bagi mengoptimalkan penggunaan sumber melalui pengukuran prestasi pengurusan sisa semasa.
	BIDANG TUMPUAN 5 PENGURUSAN AIR Peningkatan pengetahuan tentang urfidi dan amalan kaedah penjimatan air melalui pemantauan, kawalan dan pembangunan sistem liter semula air dan penulisan air hijau.
	BIDANG TUMPUAN 6 PENGANGKUTAN Menerapkan kesedaran tentang kepentingan bagi mengurangkan pencemaran melalui pelaksanaan profil dan pengurusan teknologi hijau.
	BIDANG TUMPUAN 7 PEROLEHAN HIJAU Pengerusan dan amalan perolehan hijau dalam sistem Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai usaha menyokong pemeliharaan alam sekitar dan pengurangan jejak karbon.

6. Blueprint SmartGreen PolyCC (BSGPC)

BSGPC dibangunkan dengan visi untuk memperkasa budayahijau dan melestarikan politeknik dan kolej komuniti. Hala tuju strategik yang praktikal dan dapat dicapai merupakan tonggak utama kejayaan pencapaian visi blueprint ini. Hala tuju ini adalah berpandukan kepada pelaksanaan aktiviti tujuh bidang tumpuan (BT) yang perlu dilaksanakan secara seiring dan saling menyokong satu sama lain seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah. BT ini telah ditambah baik berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi semasa melaksanakan fasa Blueprint POLYGreen 2015-2020.



HALA TUJU BLUEPRINT SMARTGREEN POLYCC

5. Piawaian Global Reporting Initiative (GRI)

Piawaian GRI adalah piawaian global yang pertama untuk laporan kemampanan yang berstruktur, berhubung dan mewakili amalan terbaik secara global untuk membantu organisasi melaporkan pelbagai kesan ekonomi, alam sekitar dan sosial (3P - profit, planet and people) berdasarkan kepada aktiviti, produk dan servis. Rangka kerja GRI bertujuan untuk membolehkan pihak ketiga menilai impak alam sekitar dari aktiviti organisasi dan sumber rantaianya. Garis panduan laporan piawaian mengenai alam sekitar terkandung di dalam GRI Indicator Protocol Set.



	BIDANG TUMPUAN 1 PENGURUSAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN Pelaksanaan kurikulum hijau, penyelidikan dan penerbitan tesis, pengurusan laporan dan laman sesawang kelestarian, pelaksanaan program kesedaran dan penerapan budaya hijau serta latihan, perkongsian kepakaran dan pengalaman bagi pelajar dan kakitangan.
	BIDANG TUMPUAN 2 PENGURUSAN TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM Pengekalan dan peningkatan kecukupan penggunaan tenaga serta galakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan pelepasan karbon.
	BIDANG TUMPUAN 3 PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP Mengintegrasikan amalan pengurusan alam sekitar dalam pengoperasian institusi melalui dasar-dasar dan prosedur bagi memastikan amalan alam sekitar terbaik diaplikasikan dalam urusan harian.
	BIDANG TUMPUAN 4 PENGURUSAN SISA Peningkatan kesedaran dan pengetahuan pengurusan sisa bagi mengoptimalkan penggunaan sumber melalui pengukuran prestasi pengurusan sisa semasa.
	BIDANG TUMPUAN 5 PENGURUSAN AIR Peningkatan pengetahuan tentang urfidi dan amalan kaedah penjimatan air melalui pemantauan, kawalan dan pembangunan sistem liter semula air dan penulisan air hujan.
	BIDANG TUMPUAN 6 PENGANGKUTAN Menerapkan kesedaran tentang kepentingan bagi mengurangkan pencemaran melalui pelaksanaan profil dan pengurusan teknologi hijau.
	BIDANG TUMPUAN 7 PEROLEHAN HIJAU Penerapan dan amalan perolehan hijau dalam sistem Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai usaha menyokong pemeliharaan alam sekitar dan pengurangan jejak karbon.

6. Blueprint SmartGreen PolyCC (BSGPC)

BSGPC dibangunkan dengan visi untuk memperkasa budayahijau dan melestarikan politeknik dan kolej komuniti. Hala tuju strategik yang praktikal dan dapat dicapai merupakan tonggak utama kejayaan pencapaian visi blueprint ini. Hala tuju ini adalah berpandukan kepada pelaksanaan aktiviti tujuh bidang tumpuan (BT) yang perlu dilaksanakan secara seiring dan saling menyokong satu sama lain seperti yang ditunjukkan dalam rajah di sebelah. BT ini telah ditambah baik berdasarkan kepada pengalaman yang diperolehi semasa melaksanakan fasa Blueprint POLYGreen 2015-2020.



BIDANG TUMPUAN

SMARTGREEN POLYCC



BIDANG TUMPUAN 1

PENGURUSAN PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN

Pelaksanaan kurikulum hijau, penyelidikan dan penerbitan lestari, pengurusan laporan dan laman sesawang kelestarian, pelaksanaan program kesedaran dan penerapan budaya hijau serta latihan, perkongsian kepakaran dan pengalaman bagi pelajar dan kakitangan.



BIDANG TUMPUAN 2

PENGURUSAN TENAGA DAN PERUBAHAN IKLIM

Pengalakan dan peningkatan kecekapan penggunaan tenaga serta galakan penggunaan tenaga boleh diperbaharui bagi mengurangkan pelepasan karbon.



BIDANG TUMPUAN 3

PENGURUSAN ALAM SEKITAR DAN LANDSKAP

Mengintegrasikan amalan penggunaan alam sekitar dalam pengoperasian institusi melalui dasar-dasar dan prosedur bagi memastikan amalan alam sekitar terbaik diaplikasikan dalam urusan harian.



BIDANG TUMPUAN 4

PENGURUSAN SISA

Peningkatan kesedaran dan pengetahuan pengurusan sisa bagi mengoptimalkan penggunaan sumber melalui pengukuran prestasi pengurusan sisa semasa.



BIDANG TUMPUAN 5

PENGURUSAN AIR

Peningkatan pengetahuan tentang utiliti dan amalan keedah penjimatan air melalui pemantauan, kawalan dan pembangunan sistem kitar semula air dan penyaliran air hujan.



BIDANG TUMPUAN 6

PENGANGKUTAN

Menerapkan kesedaran tentang kepentingan bagi mengurangkan pencemaran melalui pelaksanaan polid dan pengurusan teknologi hijau.



BIDANG TUMPUAN 7

PEROLEHAN HIJAU

Pengalakan dan amalan perolehan hijau dalam sistem Politeknik dan Kolej Komuniti sebagai usaha menyokong pemeliharaan alam sekitar dan pengurangan jejak karbon.



**PROGRAM /
AKTIVITI / BENGKEL
UPTH SEPANJANG
TAHUN**



BERSAMA MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

OLEH: NORLAILI BINTI ABDUL RAHMAN @ ABDUL RAHIM

29 JAN 2024 - Pada 28 Jan 2024 ,Ahad 8.30 pagi, Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad telah hadir ke SMATD Kulim Kedah untuk merasmikan Rumah Ibadat Hijau (RIH) di Sek. Men Agama Tarbiyah Diniyah (SMATD) Kulim. Program RIH adalah salah satu inisiatif Kementerian bersama Malaysian Green Technology and Climate Change (MGTC) dalam menjaga kepentingan kelestarian alam sekitar. Pasukan dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah telah bersama-sama MGTC dan pihak SMATD menjalankan kerja-kerja awalan pada Disember 2023. Lanjutan daripada itu, pihak MGTC telah menjemput Tuan Pengarah dan pasukan PTSB untuk menghadiri majlis ini dan sebagai pempamer untuk berkongsi amalan hijau di PTSB

12



13

PTSB FUN WALK ANJURAN KESAKA DAN UPTH

OLEH: NORLAILI BINTI ABDUL RAHMAN @ ABDUL RAHIM

10 Mar 2024 - Pada 10 Mac 2024, Kelab Kebajikan Sukan dan Ukhwah Kakitangan (KESAKA) dan Unit Pembangunan Teknologi Hijau (UPTH) Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) telahpun menganjurkan PTSB Fun Walk sekitar kawasan politeknik dengan anggaran jarak sekitar 2.5km. Aktiviti riadah ini dilihat mendapat penyertaan yang baik di kalangan pensyarah dan staf PTSB. Disamping itu pihak penganjur juga menyediakan hamper cabutan bertuah pada penghujung acara bagi meraikan sokongan daripada semua staf. Aktiviti ini dianjurkan bagi memupuk semangat Kerjasama antara staf PTSB di samping mengeratkan lagi silaturrahim antara staf samada di pihak akademik dan bukan akademik. Selain itu, aktiviti ini juga bagi menyahut seruan kempen berjalan kaki yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Teknologi Hijau (UPTH). Program ini juga dapat mewujudkan kesedaran budaya hidup sihat di kalangan staf PTSB.



KEMPEN HARI BUMI; WASTE TO WEALTH

OLEH: NORLAILI BINTI ABDUL RAHMAN @ ABDUL RAHIM

16 Mei 2024 - Pada 15 Mei 2024, UPTH dengan kerjasama Kelab Komputer, Kelab Greentech, Kelab Green JP dan pelajar DJJ40173 Eng Design telah mengadakan aktiviti Kempen Hari Bumi dengan memanggil pihak Enviromental Edaman untuk merealisasikan hari Waste to Wealth. Aktiviti utama adalah pelupusan Electrical Waste dan Minyak terpakai. Walau bagaimanapun Edaman tetap menerima sisa yang lain seperti Plastik, Kertas dan tin aluminium termasuk besi. Setiap sisa mempunyai harga yang berbeza. Aktiviti ini mendapat sambutan daripada warga PTSB terutama jualan Minyak terpakaik kerana harganya sekilo RM3 lebih mahal daripada harga minyak masak dipasaran.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
AKADAMIK PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

POLITEKNIK MALAYSIA
TUAN RIZAL BINTAN BANGSAR

KEMPEN "WASTE TO WEALTH"

15 MEI 2024 | 9.00 PAGI - 1.00 PETANG
KANTIN PTSB

kitar semula "e-waste"
pengumpulan minyak masak terpakai
ceramah kitar semula
pameran kitar semula
permainan kitar semula

Anjuran Bersama

Sebarang pertanyaan, sila hubungi : Pn. Faizatulhaida Binti Md Isa 0195797524 En Mohd Hafis Bin Yunus 0135346046



PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI BERSAMA NGO

OLEH: NORLAILI BINTI ABDUL RAHMAN @ ABDUL RAHIM

8,9 dan 10 Jun 2024 - HARI PENGUMPULAN PAKAIAN TERPAKAI. Program ini akan memanfaatkan 29 orang pelajar Sukarelawan YES PTSB dengan mendapat pengalaman bekerjasama dengan NGO Life Line Clothing Msia Sdn Bhd . Lambakan pakaian terpakai disetiap isi rumah dihadapi oleh semua orang. Perkara ini meresahkan kerana terdapat pakaian yang masih boleh dipakai sedangkan Environment Idaman tidak lagi mahu menerima pakaian disebabkan lambakan dipusat pengumpulan sisa sedia ada. Kitar semula boleh ditafsirkan sebagai memproses pakaian lama untuk dijadikan barang-barang baru. Ini termasuklah menggunakan semula pakaian tersebut seperti yang asal ataupun memberinya kepada orang yang boleh menggunakannya. Oleh itu, program yang akan dijalankan ini dapat memberi jalan kepada warga PTSB untuk menyelesaikan masalah tersebut. Melalui program yang dijalankan ini juga dapat membantu untuk mengekalkan kehijauan bumi ini dengan membantu pelupusan atau guna semula pakaian-pakaian yang masih boleh dipakai. 4 buah lori pakaian terpakai telah berjaya dikumpul dan diserahkan kepada NGO Life Line Clothing Msia Sdn Bhd.



NO SINGLE USE PLASTIC CAMPAIGN

Kempen menghindari plastik sekali guna mempunyai impak yang signifikan terhadap masyarakat dan alam sekitar. Pertama sekali, ia membantu mengurangkan jumlah sisa plastik yang dibuang setiap hari. Plastik sekali guna seperti botol air, beg plastik, dan straw sering kali hanya digunakan sekalisebelum dibuang, dan kebanyakannya tidak dapat diurai secara semula jadi, menyebabkan pencemaran serius. Dengan mengurangkan penggunaan plastik jenis ini, kita dapat mengurangkan beban sisa pepejal yang dihadapi oleh tapak pelupusan sampah. Selain itu, pengurangan plastik sekali guna juga memberi manfaat besar kepada hidupan liar, terutamanya di kawasan laut. Banyak haiwan sering keliru antara plastik dan makanan, yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian apabila mereka memakannya. Dengan mengurangkan penggunaan plastik, kita dapat melindungi ekosistem yang lebih luas dan memastikan kelestarian hidupan liar.



